

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG
(SIBUTI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk tahun 2013 dan 2014 berapakah jumlah peruntukan daripada Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (Marris) untuk penyelenggaraan jalan seluruh Parlimen Sibuti.

JAWAPAN

Berdasarkan maklumat Kerajaan Negeri Sarawak, jumlah peruntukan Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi seluruh Parlimen Sibuti pada tahun 2013 dan 2014 adalah masing-masing berjumlah **RM4,651,544** dan **RM24,673,500**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 11 JUN 2015
[KHAMIS]
DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU
[BARAM]

SOALAN :-

Y.B. TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini kes kebakaran rumah panjang di Sarawak di dalam tempoh 2010-2015 dan usaha pihak kementerian untuk membekal peralatan serta mendidik penduduk di luar bandar dengan kaedah memadamkan kebakaran.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sebanyak 103 kes kebakaran rumah panjang telah berlaku di Negeri Sarawak sepanjang tahun 2010 hingga 2015. Maklumat lengkap adalah seperti jadual dibawah:-

| Tahun | Jumlah Kes |
|---------------|------------|
| 2010 | 10 |
| 2011 | 25 |
| 2012 | 24 |
| 2013 | 19 |
| 2014 | 21 |
| 2015 | 4 |
| JUMLAH | 103 |

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah

membekal alat pemadam api di rumah-rumah panjang di seluruh negeri Sarawak.

Antara aktiviti-aktiviti pendidikan yang telah dilaksanakan di rumah panjang di seluruh negeri Sarawak adalah seperti berikut:

a) *Aktiviti Summer Camp*

Aktiviti ini bertujuan untuk melatih wakil penduduk menjadi *Fire Marshal* dan mereka diharap dapat menyampaikan ilmu asas kebombaian kepada penghuni rumah panjang serta menjaga alat pemadam api yang dibekalkan. Data aktiviti *summer camp* yang telah dijalankan adalah seperti berikut :-

| Tahun | Tarikh | Lokasi |
|-------|-------------------|------------------------|
| 2013 | 16-18 Mei | Zon Sri Aman |
| 2014 | 28/2 – 02/3 | BBP Mukah (Sibu) |
| | 9 – 11 Mei | BBP Saratok (Sri Aman) |
| | Mei 2014 | BBP Miri |
| 2015 | 23-25 April | BBP Betong (Sri Aman) |
| | 25-27 April | BBP Betong (Sri Aman) |
| | Akan dilaksanakan | Kapit (Sibu) |
| | Akan dilaksanakan | Tatau (Bintulu) |
| | Akan dilaksanakan | BBP Miri (Miri) |

b) *Outreach Program* bersama Malaysia Fire Protection Association (MFPA) khususnya dirumah-rumah panjang bertujuan memberi kesedaran terhadap aspek keselamatan kebakaran dirumah panjang.

Data aktiviti *outreach program bersama Fire Protection Association*

Yang telah di laksanakan ialah :-

| Tahun | Tarikh | Lokasi | Jumlah Kg. terlibat |
|-------|--------------|--|---------------------|
| 2013 | 6 April 2013 | Rumah panjang Kangka Lundu (Zon Kuching) | 6 |
| 2014 | 21 may 2014 | BBP Batu Lintang (Zon Kuching) | 1 |
| 2015 | | Bintulu | Belum di tentukan |

c) Program bersama MERCY bertujuan menyampaikan maklumat tentang keselamatan pada penduduk yang tinggal jauh di pedalaman.

Aktiviti-aktiviti keselamatan kebakaran yang telah dan sedang dijalankan ini akan diteruskan dari masa ke semasa seperti yang telah dirancang bermula dari awal setiap tahun.